

## Maklumat Komoditi : Kangkung

### Kesesuaian Tanaman

Terdapat 2 jenis kangkung yang ditanam secara komersial di Malaysia iaitu kangkung darat (*Ipomoea reptans*) yang berdaun kecil panjang meruncing dan ditanam atas batas, serta kangkung air (*Ipomoea aquatica* Forsk) yang berdaun lebar dan tumbuh liar di dalam parit atau paya. Kangkung antara sayuran yang digemari oleh semua terutama di negara Asia. Selain harganya yang murah, ianya juga mudah ditanam, tempoh penanaman singkat serta kurang serangan penyakit.

Ciri-ciri morfologi kangkung adalah:

<b>Bahagian</b>	<b>Keterangan</b>
Daun	Licin, berbentuk tirus dihujung daun (seperti mata panah)
	Saiz daun adalah 10-12 cm panjang dan 5-6 cm lebar
	Daun tumbuh berselang
Batang	Warna hijau muda
	Bersifat mudah patah dan rapuh
	Tumbuh secara menegak dan menjalar
Bunga	Memegang pangkal daun
	Seperti lonceng dengan 6 kelopak berselang
Akar	Berwarna putih atau kemerahan
	Mempunyai 4 biji benih
	Mempunyai akar serabut